

10 APR 1996

Magnet

SEKRETARIAT MELAYU ANTARABANGSA LANCAR "MAGNET"

SHAH ALAM, 10 April (Bernama) -- Sekretariat Melayu Antarabangsa (SMA) yang akan dilancarkan pada 19 April ini akan memulakan khidmat Jaringan Melayu Sejagat atau MAGNET (Malay Global Net) melalui lebuhraya maklumat Internet pada bulan depan.

Khidmat MAGNET yang berpangkalan di sekretariat itu di Muzium Negeri Selangor di sini bertujuan memudahkan orang Melayu di serata dunia menjalin dan memperkukuhkan hubungan dengan alam Melayu.

"MAGNET merupakan satu daripada tujuh program utama bagi tempoh 1996/1997 bertujuan menjalin kerjasama antara orang Melayu di serata dunia dalam bidang profesional, keusahawanan dan kebudayaan," kata Pengerusi Jawatankuasa Kerja SMA, Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad.

Ketika bercakap pada persidangan berita mengenai pelancaran SMA oleh Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib, beliau berkata program pertama SMA ialah simposium jaringan dunia Melayu yang diadakan serentak pelancaran SMA yang akan dihadiri kira-kira 2,000 cendekiawan Melayu dari seluruh dunia.

Katanya, SMA juga akan menjalankan kursus bahasa Melayu mulai Jun untuk masyarakat Melayu di serata dunia yang dianggarkan berjumlah lebih 20 juta orang yang kini semakin luntur kebolehan mereka bertutur dalam bahasa Melayu.

Zainal Abidin berkata tumpuan utama kursus itu ialah di negara-negara yang mempunyai ramai umat Melayu seperti Afrika Selatan, Madagascar, Britain dan Australia yang kebanyakannya berharap untuk merapatkan semula hubungan mereka dengan dunia Melayu di rantau Nusantara ini.

Pada September pula SMA akan menganjurkan perhimpunan Melayu Sedunia yang akan melibatkan dua acara utama iaitu Kongres Melayu Sedunia dan Ekspo Perdagangan Melayu Sedunia yang akan mempamerkan pelbagai produk keluaran usahawan Melayu.

Konvensyen Wanita Melayu Antarabangsa, yang julung kali diadakan sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian wanita Melayu di serata dunia pula akan diadakan pada November, katanya.

Beliau berkata pada Januari 1997, SMA akan melancarkan Akademi Kepimpinan Generasi Melayu di London yang terdapat banyak orang Melayu dan persatuan-persatuan Melayu yang aktif untuk melatih pemimpin Melayu dari kalangan generasi muda.

Pada Mei 1997 pula akan dimulakan program pembangunan Melayu bandar melibatkan SMA dan institusi pengajian tinggi.

Zainal Abidin berkata sempena pelancaran SMA juga satu pameran mengenai SMA dan rumpun Melayu akan diadakan di sini dari 19 April hingga 21 April yang akan memaparkan pelbagai artifak, bahan ilmiah dan sejarah asal usul Melayu dan pembangunan yang telah dicapai.

Katanya, Menteri Besar juga akan melancarkan logo Ekspo Perdagangan Melayu Sedunia pada jamuan malam kemuncak program pelancaran SMA di sebuah hotel di sini pada 21 April.

Zainal Abidin, yang juga Exco Kerajaan negeri, berkata SMA yang lahir dari resolusi Hari Sastera ke-10 di sini pada Jun 1993 dengan kerjasama Gabungan Penulis Nasional (Gapena) antara lain berperanan menyelaras perkongsian pengalaman dan kepakaran antara pelbagai kelompok Melayu di dunia.

Pengerusi Jawatankuasa Publisiti SMA, Dr Shafie Mohd Salleh pula berkata SMA merupakan satu titik lonjakan baru bagi orang Melayu setelah

parti terbesar Melayu, Umno, genap 50 tahun.

"Tinjauan oleh kita dan juga Gapena mendapati rata-rata orang Melayu sejagat mengalu-alukan penubuhan SMA, apatah lagi dengan ketokohan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di peringkat antarabangsa sekarang," katanya. -- BERNAMA

MNY AKD